

Gerakan Pertubuhan Dakwah Islamiah Selangor Dalam Penyebaran Agama Islam Di Kepulauan Cebu, Filipina

Movement of the Organization of Islamic Da'wah Selangor in the spread of Islam in the Cebu Islands, Philippines

MOHAMAD SHAHRIL ISA*¹

ABSTRAK

This paper examines the da'wah movement of a private non-governmental organization (NGO) that was recently established and is active in da'wah activities in the Visayas region, especially in the Cebu Islands, the Philippines, and the surrounding areas. This article will document the journey of the NGO in the project of Islamizing the population of the district or known as the process of Islamization. Among other things, this study will explain the background of the activity, history of local area, look at the motivation factors for the activists involved, the methodology used, and its effectiveness in influencing the Islamization of the residents of the area. This paper is a qualitative method by involving library research based by examining the content from articles, journals, and other reference sources. Interviews were also conducted with some activists in the organization and local dai'e as well as new or returning to Islam who were involved as a result of the da'wah movement. The results of this study will be able to identify and understand the problems and challenges in the field faced by this NGO organization in carrying out its activities. This study will also present recommendations for improvements that can be made to ensure the effectiveness and continuity of the activities of this organization and also the activities of other activists who carry out the same da'wah movement either inside or outside the country.

Keywords: Movement, Da'wah, Islamization, Cebu Islands, Philippines

PENDAHULUAN

Dakwah merupakan satu keutamaan kepada umat Islam khususnya kepada para pendakwah memandangkan ia merupakan usaha untuk menyebar luaskan Islam kepada seluruh umat manusia di dunia. Dakwah dalam Islam merupakan suatu aktiviti yang paling mulia dan merupakan perintah Allah SWT sesuai dengan firman-Nya:

¹ **Mohamad Shahril Isa*** (Corresponding Author), Postgraduate student at the Research Centre for Theology & Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. Email: aril1661@gmail.com

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ۚ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

(Ali 'Imran 3:104)

Terjemahan:

Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar, merekalah orang-orang yang beruntung.

Penglibatan aktivis pertubuhan ini di dalam gerakan dakwah di Filipina adalah sebagai menyahut seruan dan tanggungjawab untuk berdakwah seperti ayat di atas dan melibatkan penulis sebagai ahli jawatankuasa pertubuhan ini. Dengan penglibatan secara langsung dalam menyelusuri aktiviti gerakan di lapangan, memberi ruang dan peluang untuk penulis membuat observasi dan seterusnya membuat penilaian tentang keberkesanan dan pamasalahan aktiviti dakwah terutama dalam lingkungan persekitaran masyarakat dan negara bukan Islam.

PENGERTIAN DAKWAH

Perkataan dakwah berasal dari bahasa Arab dimana dakwah sebagai bentuk *masdar* dari kata kerja *daa'a*, *yad'u*. Dakwah mempunyai akar kata bererti, menyeru, memanggil dan mengajak. Orang yang berdakwah disebut *da'ie* diambil dari kata داع yang jamaknya دعاة ertinya yang berdakwah, yang menyeru, yang memanggil dan yang berdoa. *Da'ie* disebut juga mubaligh, ertinya yang menyampaikan (Ilyas, 2015). Perkataan dakwah juga dari sudut bahasa mempunyai beberapa erti antara lain iaitu :

- i. Mengharap dan berdoa kepada Allah SWT.
- ii. Memanggil dengan suara lantang, menyeru dan melaung.
- iii. Mendorong seseorang untuk menganut sesuatu keyakinan tertentu.

Adapun makna yang lebih dekat dengan pengertian dakwah menurut istilah ialah dakwah yang mempunyai erti mendorong seseorang untuk menganut sesuatu keyakinan tertentu. Maka dari huraian yang dikemukakan di atas, jelaslah dakwah merupakan suatu aktiviti yang mempunyai tujuan tertentu, yang mana dengan aktiviti tersebut dapat mendorong manusia untuk menganut agama Islam melalui cara yang

bijaksana dengan melaksanakan ajaran Islam yang sempurna untuk mendapatkan kebahagiaan dunia dan akhirat (Ilyas, 2015).

Hukum dakwah berdasarkan sejumlah dalil dari al-Quran dan as-Sunnah ialah wajib bagi orang Muslim, dengan dalil-dalil antaranya firman Allah SWT surah Ali ‘Imran ayat 104 yang telah disebutkan di atas. Berdasarkan ayat tersebut Allah SWT menjelaskan bahawa para pengikut Rasulullah SAW adalah para *da’ie* yang menyeru kepada Allah dan mereka adalah *ahlul basho’ir* iaitu orang-orang yang memiliki hujah yang nyata. Oleh itu dakwah merupakan suatu kewajipan sebagaimana telah maklum bahawa umat Islam wajib mengikuti Baginda dan meniti di atas manhaj kerasulan Baginda SAW.

Berdasarkan kenyataan ini, maka wajib dimana-mana sahaja ada sekelompok manusia yang berusaha menjalankan dakwah, dengan menyampaikan risalah Allah dan menjelaskan perintah serta larangan Allah SWT dengan segala cara yang memungkinkan dakwah itu sampai kepada masyarakat disetiap pelusuk dunia. Ini sebagaimana Rasulullah SAW telah mengutus para delegasi dan mengirimkan surat-surat kepada kerajaan-kerajaan dan para pembesar berhampiran dalam rangka mengajak mereka ke jalan Allah SWT.

METODOLOGI DAKWAH

Metodologi berasal daripada Bahasa Inggeris iaitu metode yang bererti sistem, aturan atau kaedah. Metode bererti cara melakukan sesuatu atau sistem. Dalam bahasa Arab yang sangat dekat pengertiannya dengan metode ialah perkataan *uslub*, *manhaj* dan juga *wasilah* yang bererti cara menggunakan sesuatu atau cara melakukan sesuatu pekerjaan. Mengikut peristilahan, metode atau *uslub* dakwah, bererti ilmu yang bersifat kajian dan sistematik tentang cara berdakwah (Ilyas, 2015). Berdasarkan ayat ini, terdapat tiga kaedah yang baik bagi menjalankan aktiviti dakwah, iaitu:

i. Berdakwah dengan cara hikmat kebijaksanaan iaitu *bi al-Hikmah*

Al-Dakwah bi al-Hikmah mempunyai erti kemampuan seseorang *da’ie* dalam melaksanakan dakwah dengan cara yang tepat, berdasarkan pengetahuannya yang tuntas lagi tepat tentang dakwah (Ilyas, 2015). Dari segi istilah, hikmah bermaksud meletakkan setiap sesuatu pada tempatnya dengan panduan akal. Ia benar-benar tahu

tentang masa yang sesuai, tempat dan keadaan manusia yang dihadapi sehingga ia dapat memilih cara yang tepat untuk menyampaikan dakwah yang hendak disampaikan. Berdakwah dengan hikmah juga adalah pendakwah mengetahui keadaan orang yang didakwahkan. Pendakwah tahu tahap pemikiran mereka, keadaan jiwa mereka, malah amat baik juga untuk pendakwah memahami aspek-aspek budaya, kepercayaan dan cara hidup mereka. Satu lagi pendekatan dakwah secara hikmah adalah dengan menyampaikan mesej Islam secara bertahap *al-Tadarruj*. Dengan pendekatan ini, pendakwah haruslah menitikberatkan persoalan masa dalam usaha dakwahnya dan tidak tergesa-gesa untuk mencapai tujuan dakwahnya.

ii. Berdakwah melalui nasihat dan pengajaran yang baik iaitu *mauizah al-Hasanah*

Perkataan *mauizah al-Hasanah* membawa maksud sebagai jalan untuk menyampaikan dakwah, atau uslub dakwah yang bertujuan untuk mendekati bukan menjauhkan, memudahkan bukan menyusahkan, mengasihi bukan menakutkan (Ilyas, 2015). Melalui keterangan ini, diambil satu kesimpulan bahawa yang dimaksudkan dengan *mauizah al-hasanah* dalam berdakwah adalah memberi nasihat dan memberi peringatan kepada orang lain dengan bahasa yang baik serta dapat menggugah hatinya sehingga pendengar dapat menerima apa yang dinasihatkan.

iii. Berdakwah melalui berbahas dengan cara yang terbaik iaitu *mujadalah bi al-llati hiya ahsan*

Al-Mujadalah bermaksud perbincangan dan perbahasan dengan mengemukakan hujah dan dalil yang dapat menerangkan sesuatu maksud yang tidak jelas (Ilyas, 2015). Menurut Imam al-Ghazali, *al-Mujadalah* adalah perdebatan yang berlaku antara pendakwah dengan orang yang didakwah hendaklah dilakukan dengan cara berhati-hati dan berlemah lembut hingga membangkitkan kesedaran kepada hati, pengajaran pada jiwa dan kejernihan pada akal. Matlamat *al-Mujadalah* adalah untuk membuka pemikiran *mad'u* serta menghilangkan kekeliruan dan menjelaskan kebenaran.

ISLAM DI FILIPINA

Kerajaan Filipina mengamalkan sistem pemerintahan bercorak republik dengan kuasa di tangan Presiden. Dalam konteks kehidupan beragama secara idealnya, polisi kerajaan

Filipina memberikan ruang dan peluang kepada semua agama untuk hidup, berkembang dan diamalkan secara bebas.

Filipina adalah salah satu daripada 2 buah negara yang mempunyai lebih ramai penganut Roman Katolik di Asia, selain dari Timor Timur. Kira-kira 93% daripada penduduknya adalah Kristian, 5% adalah Islam dan 2% lagi tidak mempunyai agama yang dikenal pasti (Wan Ali et.al, 2012). Bagaimanapun dalam konteks agama Kristian, disebabkan majoriti rakyat Filipina adalah beragama Kristian bermazhab *Roman Katholik*, maka ia diberikan tempat dan kedudukan yang jauh lebih besar dan lebih istimewa berbanding agama-agama lain walaupun pada dasarnya peruntukan adalah sama.

Islam adalah agama monoteistik tertua yang direkodkan di Filipina. Islam sampai ke Filipina antara abad-abad ke-12 dan 14 dengan ketibaan pedagang Islam dari Teluk Parsi, Selatan India, dan dari beberapa kerajaan kesultanan di Kepulauan Melayu. Justeru walaupun Islam dalam konteks Filipina telah wujud jauh lebih lama daripada Kristian, namun usaha-usaha untuk mengancam dan memupuskannya telah dilakukan pihak penjajah sama ada oleh Sepanyol pada awalnya, diikuti oleh Amerika dan kini kerajaan Filipina sendiri. Dengan kata-kata lain, apa yang tersurat dalam perlembagaan dan apa yang tersirat di sebalik perlembagaan tidaklah sama dan sekata.

Islam mempunyai peranan dan fungsi yang mempengaruhi hala tuju proses penyatuan Muslim di Filipina. Dari pandangan dan persepsi masyarakat Muslim, Islam memang dianggap agama fitrah di nusantara dan kekal menjadi agama bangsa Melayu dari mula sehingga kedatangan bangsa penjajah seperti Sepanyol dan Amerika (Wan Ali et.al, 2012). Islam juga menjadi simbol penyatuan bangsa Melayu sebelum kehadiran proses kristianisasi dan penguasaan sumber ekonomi di rantau ini. Dengan kedatangan bangsa penjajah, proses kristianisasi dan penguasaan ekonomi, agama Islam dan bangsa Melayu mulai terancam dan sedikit demi sedikit ditukarkan kepada agama baru. Justeru dalam konteks Islam di Filipina, istilah balik Islam merupakan identiti baru yang digunapakai oleh pemeluk agama Islam yang baru untuk menunjukkan bahwa pemeluk agama Islam ini bukan kerana mereka berpaling dari agama Kristian, sebaliknya melambangkan mereka kembali kepada fitrah agama asal mereka iaitu Islam (Morados, 2023).

GERAKAN PERTUBUHAN DAKWAH ISLAMIAH SELANGOR (PDIS) DI FILIPINA

PDIS adalah kesinambungan dari gerakan dakwah tidak formal yang dilakukan pelopornya iaitu Dato Zuhari bin Abdullah sejak tahun 2018 di Kepulauan Cebu dan daerah sekitarnya dengan dibantu oleh beberapa rakan yang membentuk kumpulan aktivis sukarela bagi menggerakkan aktiviti mereka disana. Aktivis-aktivis ini atas kapasiti individu mereka menyahut seruan dan tanggung jawab untuk berdakwah dengan meninggalkan keselesaan mereka, sebaliknya sanggup untuk mengorbankan masa dan tenaga serta wang ringgit demi untuk merasakan kepuasan dapat mengislamkan penduduk-penduduk di kepulauan tersebut.

LATAR BELAKANG PDIS

Kumpulan aktivis yang bermula secara tidak formal tanpa organisasi yang berdaftar mula menghadapi masalah apabila aktiviti kumpulan bertambah besar dan luas. Permasalahan pengurusan dan kewangan, kawalan aktiviti gerak kerja dilapangan melalui sukarelawan tempatan, isu-isu pendidikan dan latihan serta pengurusan projek memerlukan pengurusan yang lebih berstruktur dan teratur. Akhirnya kumpulan aktivis ini bersetuju untuk membentuk sebuah organisasi yang berdaftar sebagai sebuah Pertubuhan Bukan Kerajaan (Non-Governmental Organisation atau NGO) iaitu Pertubuhan Dakwah Islamiyah Selangor sebagai platform untuk menggerakkan aktiviti mereka.

Gerakan ini dipengerusikan oleh Dato Zuhari Abdullah dan timbalannya Major Jeneral Dato' Muhamad Anwar bin Abdullah, dengan setiausahaanya Mahmood Jusoh dan bendaharinya Latif Shaari, serta Mohd Shahril Isa (pengkaji sendiri) sebagai salah seorang Ahli Jawatan Kuasa, PDIS bergerak secara rasmi pada 6 Oktober 2023 dan memulakan aktiviti dakwah sebagai sebuah pertubuhan setelah penubuhan rasminya dengan melakukan beberapa siri lawatan pada tahun 2023 dan 2024 ke Kepulauan Cebu. Sayugia dimaklumkan bahawa sejak sebelum bergerak sebagai sebuah pertubuhan berdaftar sehingga dirasmikan sebagai sebuah NGO, kumpulan ini telah pun berjaya mengislamkan hampir 20,000 semula masyarakat Islam dan mendirikan 5 buah masjid di Kepulauan Cebu dan Wilayah Visayas serta kawasan persekitarannya.

Selain daripada PDIS terdapat beberapa buah NGO yang melakukan aktiviti dakwah di Filipina, termasuk di wilayah Visayas dan kepulauan Cebu serta kawasan kawasan yang berhampiran. Antara lain adalah Briged Bakti Malaysia, Ummah Care Malaysia dan Cebu Care yang telah lama aktif dan telah mendirikan hampir 50 buah masjid dengan penyertaan balik Islam seramai 300,000 orang sejak sepuluh tahun lalu. Kesemua NGO yang aktif di sini menjalankan aktiviti secara bekerjasama yang erat dan saling membantu di antara satu dan lain.

PERLAKSANAAN DAKWAH PDIS

Cebu ialah satu daripada wilayah di negara Filipina di dalam Bahagian Visayas. Cebu terletak di timur Pulau Negros, Pulau Leyte di selatan dan Pulau Bohl di tenggara. Wilayah ini mempunyai jumlah penduduk seramai 4,632,359 dan ibukotanya ialah Bandar Cebu (Census of Population, 2020). Ia mempunyai keluasan 5,342 kilometer persegi dan merupakan sejalar tanah pulau 225 km dan utara ke selatan dengan 167 pulau-pulau kecil. Antaranya termasuk Pulau Mactan, Pulau Bantayan, Pulau Malpascua, Pulau Olang dan Pulau Camotes. Antara bandar utama ialah Bogo, San Remigio, Medellin dan Daanbantayan yang terletak di selatan. Ibu negerinya ialah kota Cebu, sebuah bandar lama yang membentuk kawasan metropolitan Cebu. Ada 6 bandar yang berdekatan iaitu bandar Carcar, Danao, Lapu-Lapu, Mandaue, Naga, dan bandar Talisay.

Seperti yang telah dinyatakan, terdapat beberapa NGO yang bergiat dalam aktiviti dakwah di Kepulauan Cebu dan PDIS merupakan NGO terbaru walaupun aktiviti yang digerakkan secara individu dan tidak rasmi telah dilakukan sejak tahun 2018 lagi. Pada umumnya gerak kerja yang dilakukan oleh PDIS adalah dalam bentuk berikut:

- i. Pengumpulan Dana
- ii. Pembinaan Masjid dan Pusat Islam
- iii. Perlaksanaan Dakwah Di Lapangan
- iv. Pendidikan dan Latihan
- v. Penyediaan Keperluan Asas

vi. Aktiviti Keagamaan dan Sosial

PENGUMPULAN DANA

Sejak awal aktivis aktivis PDIS bergerak secara individu, mereka telah membentuk kumpulan kumpulan para penyumbang dan dermawan yang menderma bagi membiayai aktiviti dakwah aktivis ini. Setiap penyumbang memberi sumbangan atas dasar sukarela secara berkala, sama ada secara bulanan atau tahunan mahu pun berdasarkan sumbangan khusus untuk sesuatu projek atau aktiviti yang tertentu. Bagi para penyumbang, kegiatan ini dilihat sebagai sedekah jariah mereka kepada usaha dakwah bagi menyebarkan ajaran Islam keserata pelusuk dunia dengan harapan sumbangan yang dikeluarkan akan diberi ganjaran dari Allah SWT di akhirat kelak.

Setelah didaftarkan, PDIS mula melakukan aktiviti menyebarkan maklumat aktiviti mereka bukan sahaja kepada individu, malah mereka menggunakan rangkaian kenalan di peringkat organisasi kerajaan dan swasta untuk mendapatkan sumber dana. Sejak mula bergerak enam tahun lalu, PDIS telah berjaya mengumpul dana menghampiri jumlah RM2.5 juta bagi membiayai aktiviti dari pembinaan masjid, pembayaran gaji *da'ie* dan pendakwah tempatan serta perbelanjaan latihan dan lain lain aktiviti keagamaan.

Tidak dapat dinafikan bahwa keperluan dana adalah semakin bertambah dari masa kesemasa kerana semakin PDIS bergerak aktif, ia melihat bahwa ruang untuk melakukan gerakkerja dakwah dalam skop yang lebih luas sentiasa terbentang. Ini timbul hasil dari kegiatan penerokaan dakwah oleh pendakwah tempatan dibawah PDIS yang menunjukkan tahap penerimaan masyarakat bukan Islam terhadap aktiviti dakwah mereka begitu mudah diterima dan mempunyai potensi untuk diusahakan secara lebih meluas.

Walau bagaimanapun peluang untuk menarik lebih ramai penduduk tempatan sebagai Balik Islam memerlukan kos yang perlu dibiayai. Ini kerana setelah mereka memeluk Islam, mereka perlu diberi bimbingan dan sokongan secara moral dan kewangan untuk meningkatkan ilmu dan kefahaman mereka tentang ajaran Islam agar

mereka tidak berbalik semula kepada agama mereka sebelum ini. Di samping itu PDIS juga menanggung kos penyelenggaraan masjid, penggajian para *da'ie*, imam dan guru guru bagi kelas bimbingan agama.

Keperluan ini juga tidak mengambilkira kos yang ditanggung oleh setiap aktivis dalam kegiatan mereka bersama PDIS yang tidak dibiayai oleh PDIS sebaliknya ditanggung secara persendirian oleh setiap anggota sendiri. Ini termasuk kos tiket penerbangan, penginapan dan makan minum setiap kali mereka datang ke Filipina untuk aktiviti PDIS. Keperluan dana yang lebih besar dimasa akan datang memerlukan mereka memperluaskan aktiviti promosi mereka kepada individu dan badan badan kerajaan serta korporat untuk menyumbang bagi memenuhi keperluan aktiviti PDIS.

PEMBINAAN MASJID DAN PUSAT ISLAM

Sehingga kajian ini ditulis (Jun 2024) PDIS telah berjaya membangunkan sebanyak 6 buah pusat Islam iaitu masjid di Kepulauan Visayas dan Cebu seperti berikut:

- i- Masjid Nur Hidayah di Lanao, Daanbantayan.
- ii- Masjid Nur Hidayah di Pulau Hilantagan, Pulau Santa Fe.
- iii- Masjid Nur Hidayah di Bateria. Medellin.
- iv- Masjid di Looc Tapon, Daanbantayan.
- v- Masjid di Balidbid, Taminjao, Hilantagan
- vi- Masjid di Capatagan, Badian.

Pada masa ini juga PDIS sedang dalam proses menyiapkan masjid di daerah Kampinggaanon, Bantayan dan yang sedang dalam pembinaan. Dalam masa yang sama PDIS juga dalam proses melakukan pembelian tapak pembinaan tapak masjid di Deca 5, Lapu-lapu City sebagai masjid kelapan untuk dibangunkan.

Secara umumnya, PDIS mempunyai ketetapan kriteria untuk menentukan keputusan untuk mendirikan sebuah masjid atau pusat Islam di sesuatu tempat. Antara lain faktor diambilkira adalah jumlah penduduk semasa secara keseluruhan berbanding dengan jumlah Balik Islam sediaada, dan jumlah potensi Balik Islam yang menjadi sasaran gerakkan dakwah mereka. Secara umumnya PDIS akan mendirikan sebuah

masjid apabila jumlah Balik Islam telah mencecah lebih dari seribu orang disamping melihat kepada kemungkinan mendapat tenaga pendakwah, imam dan guru agama yang akan menggerakkan aktiviti kelas bimbingan dikawasan atau perkampungan tersebut.

Masjid dan pusat Islam yang dibina akan dimunafatkan sebagai tempat beribadat untuk solat secara berjemaah, sebagai pusat pendidikan bagi melaksanakan kelas bimbingan agama untuk dewasa dan kanak-kanak, juga sebagai pusat aktiviti masyarakat dan keagamaan bagi masyarakat balik Islam di perkampungan tersebut. Sayugia dimaklumkan bahwa sebahagian dari masjid dan pusat Islam ini terletak diperkampungan dipulau pulau yang terpencil dipersekitaran kepulauan Cebu atau Visayas. Ini merupakan strategi sasaran PDIS yang secara idealnya menyasarkan pengislaman sehingga kesemua penduduk di sesuatu pulau atau perkampungan yang menjadi sasaran dakwah mereka.

PERLAKSANAAN DAKWAH DI LAPANGAN

Sasaran dakwah merupakan aspek yang sangat penting dalam gerak kerja dakwah terutama dalam kalangan ahli gerakan Islam seperti PDIS diperingkat inilah mereka mengatur strategi dan menyusun perancangan bagi memastikan kumpulan yang disasarkan dapat dihampiri, dan seterusnya diberikan asas kefahaman Islam yang sebenarnya.

Setiap pendakwah mesti mengenali dan memahami sasaran dakwahnya untuk menyesuaikan metode dakwah yang digunakan bagi menjamin keberkesanan dakwah tersebut. Antara langkah-langkah yang perlu diambil adalah membuat kajian mengenai kumpulan sasaran tersebut dengan mendapatkan maklumat yang selengkap-lengkapnyanya dari segi sosial-budaya, latar belakang ekonomi, taraf hidup, sikap dan pandangan hidup mereka (Ilyas, 2015).

Gerak kerja dakwah juga melibatkan aktiviti penerokaan dan pengumpulan maklumat yang holistik oleh para da'ie disesuatu kawasan atau pulau sasaran. Maklumat yang penting termasuklah dari sudut kepadatan penduduk untuk mengenal pasti sasaran hasil kerja dakwah, kehadiran mubaligh kristian dan rumah ibadah agama lain, jangkaan

sikap dan penerimaan masyarakat setempat terhadap agama Islam serta juga potensi untuk mendapatkan tapak bagi pembinaan masjid di masa depan.

Sasaran untuk berdakwah kepada mereka yang belum memeluk Islam seperti yang difokuskan oleh PDIS dikepulauan Visayas dan Cebu ini memerlukan pendekatan yang teliti. Ini supaya golongan mad'u yang disasarkan dapat digerakkan untuk mendengar dan memahami keterangan-keterangan awal tentang hakikat Islam. Antara keutamaan dakwah kepada orang bukan Islam di peringkat ini adalah (Ilyas, 2015):

- i. Untuk mendedahkan kepada orang bukan Islam bahawa Islam itu membawa kepada sejahtera dan selamat serta menganjurkan kedamaian.
- ii. Untuk menunaikan permintaan orang kafir yang ingin memahami Islam.
- iii. Untuk menunjukkan contoh tauladan yang baik kepada mereka dari segi akhlak dan perlakuan orang Islam.
- iv. Untuk mewujudkan suasana aman dan menjaga hubungan baik dengan mereka.
- v. Untuk menarik perhatian mereka supaya mendekati dan memahami Islam agar mereka memperoleh petunjuk Allah untuk menerima Islam.

Berdasarkan pengalaman para pendakwah, non-Muslim akan memberikan maklum-balas dengan pelbagai kritikan tentang Islam. Mungkin kritikan ini melibatkan ayat-ayat dalam al-Quran, hadith, sirah mahupun sejarah Islam. Pendakwah-pendakwah sering diingat, apabila seseorang melemparkan kritikan terhadap al-Quran atau nabi dan ajarannya, cara yang betul adalah dengan menjawab kritikan-kritikan tersebut dan bukan mengkritik balas terhadap agama atau kepercayaan mereka. Oleh yang demikian, tumpuan dakwah umat Islam hanyalah menjawab salah faham terhadap Islam dan mengelak daripada mengkritik agama-agama lain.

PDIS menyedari hakikat bahwa pertukaran agama oleh seseorang boleh disebabkan oleh berbagai faktor dan antaranya adalah kerana adanya *da'ie* yang pernah

mendekati mereka dengan dakwahnya yang berhikmah. Dalam konteks ini, jelas menunjukkan uslub dakwah yang tepat mampu menyampaikan mesej dakwah kepada sasaran *mad'u* dengan baik.

Perlaksanaan gerak kerja dakwah di lapangan oleh pendakwah PDIS seterusnya mengambil iktibar dari sejarah Nabi Muhammad SAW yang berdakwah dengan *dakwah fardiyyah*. *Dakwah fardiyyah* merupakan satu uslub dakwah di mana hubungan peribadi pendakwah dengan sasaran dakwah berlaku secara langsung (Basir, et.al, 2021). Perlaksanaan dakwah seperti ini mempunyai banyak cara yang dapat dibahagikan seperti berikut:

- i- Berdakwah kepada orang-perseorangan secara langsung.

Dakwah fardiyyah seperti ini merupakan satu uslub yang dihayati oleh para Nabi, khususnya pada peringkat permulaan dakwah. Rasulullah SAW pertama kali melaksanakan dakwahnya dengan cara yang demikian ketika Baginda menerima wahyu daripada Allah SWT melalui Surah al-Muddatsir 74: 1-7. Rasulullah SAW mengajak manusia yang benar diyakini oleh Baginda dapat menerima dan mempercayainya. Dalam ahli keluarga Baginda, orang yang pertama diajak ialah isterinya, sepupunya dan kemudian hamba sahayanya yang sangat rapat dan selalu membenarkan ucapannya (Ilyas, 2015). Kaedah yang sama juga digunapakai oleh pendakwah pendakwah tempatan dibawah PDIS di mana mereka memulakan gerak kerja kepada ahli keluarga, saudara mara dan kenalan yang dipercayai dengan mengadakan kunjungan kunjungan ke rumah.

- ii- Berdakwah kepada orang ramai secara langsung

Rasulullah SAW pertama kali melakukan dakwah secara terang-terangan kepada kaum keluarganya, sesuai dengan perintah Allah SWT dalam wahyu yang diterimanya seperti di dalam surah Asy-Syu'ara' 26: 214 yang bermaksud, “Dan berilah peringatan serta amaran kepada kaum kerabat kamu yang dekat”.

Lanjutan dengan turunnya ayat ini, maka Nabi SAW menjemput makan bersama ahli keluarga Baginda sebanyak empat puluh orang lebih. Selepas keluarganya menikmati jamuan yang diberikan, langsung Baginda menyampaikan dakwahnya. Metodologi ini juga diaplikasikan oleh pendakwah PDIS dikalangan kaum kerabat dan lingkungan sahabat yang lebih besar secara berhemah supaya tidak menyinggung perasaan mereka.

- iii- Berdakwah kepada orang perseorangan dan orang ramai secara tidak langsung

Berdakwah secara tidak langsung biasanya melalui peribadi para *da'ie* yang menarik dengan tingkah laku yang sopan, perbuatan dan perkataan yang baik sebagaimana yang dicontohkan Nabi Muhammad SAW melalui akhlak beliau dalam berdakwah. Berdasarkan akhlak dan peribadi seorang *da'ie* yang baik dan menarik akan dapat mempengaruhi hasil dari gerak kerja dakwah yang dilakukan. Seumpama hidayah yang diberikan kepada kebanyakan orang Badwi, hanya dengan menatap wajah Nabi SAW yang memancarkan sinar kebenaran dapat menawan hati mereka sehingga mereka beriman kepada Allah dan Rasulnya.

PENDIDIKAN DAN LATIHAN

Satu hal yang menarik tentang gerak kerja dakwah PDIS ialah mereka tidak berlepas tangan setelah berjaya membawa masuk balik Islam kepangkuan agama Islam. Sebagai mualaf, golongan balik Islam ini sentiasa terdedah untuk kembali kepada agama asal mereka, sama ada hasil dari pengaruh para mubalighristian dari gereja asal mereka, tekanan keluarga mahupun di sebabkan tahap keimanan dan kefahaman mereka tentang hakikat Islam yang masih rendah di samping keperluan beribadat yang dirasakan agak berat untuk dilaksanakan. (Nur Najwa et.al, 2022).

Menyedari hakikat ini, PDIS mengambil langkah dengan menyediakan program program latihan dan kelas bimbingan untuk memastikan balik Islam berterusan mempelajari dan meningkat ilmu dan keimanan mereka dalam Islam. Program yang dilakukan melibatkan peringkat berikut:

i- Program Bimbingan Asas untuk Balik Islam

Program bimbingan ini bertujuan memperkenalkan dan mengajar balik Islam tentang ilmu fikah, akidah, qiraat dan tauhid yang asas agar mereka dapat mengenali hakikat tentang agama Islam dan tanggung jawab mereka sebagai seorang muslim. Tenaga pengajar adalah terdiri daripada pendakwah berpengalaman yang terlatih mahupun ustaz-ustaz yang didatangkan dari Malaysia secara sukarela. Prinsip yang penting ialah ajaran Islam mesti disampaikan mengikut urutan yang berperingkat *al-Tadarruj* supaya mereka yang masih baru memeluk Islam ini diajar dengan ajaran asas dan cara yang mudah. Setelah ajaran asas diterima dan di dokong, barulah mengorak langkah ke hadapan (Basir et.al, 2021).

Pada masa yang sama, kelas bimbingan juga sangat berpotensi menjadi tempat perjumpaan sesama golongan muallaf dari pelbagai latarbelakang bagi mewujudkan tali silaturahim dan membolehkan mereka bertukar ilmu dan fikiran. Dalam erti kata lain, kelas bimbingan ini bukan sahaja mampu menjadi pusat ilmu bahkan juga dapat memberi suntikan positif terhadap emosi dan rohani muallaf.

ii- Program atihan di peringkat Pendakwah, Guru, Pembimbing dan Imam

Setelah gerak kerja dakwah menghasilkan bilangan balik Islam yang besar, PDIS akan melantik pendakwah, guru agama dan juga imam di pusat Islam dan masjid yang baru ditubuhkan. Mereka ini diberi pendedahan dan latihan untuk memastikan kelangsungan program pendidikan terhadap balik Islam dikawasan tersebut diteruskan. Program ini tertumpu kepada module untuk meningkatkan kefahaman mereka yang terdiri dari pendakwah, guru-guru dan pembimbing tentang fikah, *qiraati* dan bacaan al-Quran serta juga kaedah dan metodologi dakwah kepada masyarakat setempat.

Penekanan terhadap aspek akhlak yang mulia merupakan antara nilai- nilai yang cuba diterapkan oleh PDIS kepada pendakwah mereka melalui program program latihan ini. Ini supaya para *da'ie* akan sentiasa mempamerkan sisi akhlak yang mulia dan menjadi contoh dan tauladan kepada sasaran *mad'u* (Basir et.al, 2021). Sememangnya

inilah antara tarikan yang sangat mempengaruhi penerimaan agama Islam dikalangan balik Islam didalam gerak kerja dakwah PDIS.

iii. Program Bimbingan Anak Angkat

Program ini merupakan gabungan projek anak angkat dan kelas bimbingan untuk membentuk anak-anak Balik Islam yang mempunyai potensi dan minat untuk mempelajari ilmu Islam dan seterusnya menjadi tenaga utama pengajar dan pembimbing (Basir et.al, 2021). Program dilakukan dengan menghantar pelajar ini ke Madrasah dan sekolah tahfiz di Vietnam dan Kelantan untuk melahirkan para *da'ie* untuk menjadi tenaga pengajar dan pendakwah dimasa akan datang. Selain dari ditanggung keseluruhan kos pembelajaran, mereka juga diberi elaun sara hidup untuk menampung perbelanjaan perbelanjaan persendirian mereka.

PENYEDIAAN KEPERLUAN ASAS

PDIS menyedari hakikat bahwa sasaran dakwah mereka yang berjaya menjadi golongan balik Islam adalah dari golongan berpendapatan rendah atau berada di tahap miskin. Kebanyakan mereka terutama yang berada di kawasan kepulauan adalah nelayan dan pekebun tanpa sebarang pendapatan tetap. Oleh itu amat penting golongan balik Islam ini dipermudahkan untuk mereka menjalankan aktiviti ibadat serta dibantu serba sedikit untuk meringankan beban kehidupan mereka (Basir et.al, 2021). Untuk itu PDIS menyediakan kelengkapan seperti berikut:

i- Kelengkapan ibadat dan keperluan penutupan aurat

Adalah menjadi kebiasaan untuk melihat balik Islam berpakaian serba ringkas dengan berpakaian t-shirt dan berseluar pendek dalam kehidupan harian mereka samaada lelaki atau wanita. Ini memandangkan keadaan cuaca disekeliling kepulauan yang panas berhampiran dengan pantai dan laut. Oleh itu PDIS menyediakan telekung dan tudung bagi wanita dan kain serta seluar panjang bagi lelaki, serta sajadah untuk menggalakkan mereka menutup aurat terutama sewaktu sedang solat atau beribadat. Mereka juga

diterangkan etika berpakaian dan menutup aurat dalam Islam terutama sewaktu menghadiri latihan dan kelas pengajian yang disediakan.

- ii- Mengedarkan bahan makanan ruji seperti beras dan tepung

Ini dilakukan setiap kali mereka menghadiri aktiviti ibadat seperti solat jumaat dan, kelas-kelas pengajian dan lain-lain aktiviti keagamaan. Pengedaran bahan makanan ini juga amat sesuai berdasarkan kebanyakan mereka berpendapatan rendah dan sangat memerlukan bantuan dalam kehidupan seharian mereka.

- iii- Membimbing balik Islam untuk meningkatkan ekonomi

Di kawasan-kawasan tertentu, PDIS telah mengeluarkan modal untuk melatih usahawan-usahawan supaya terlibat dalam aktiviti penternakan kambing dengan memberi bantuan kewangan dan khidmat nasihat teknikal. Projek ini masih diperingkat awal dan belum mengeluarkan hasil sepenuhnya. Walau bagaimanapun sehingga kini projek ini telah mula menunjukkan tanda-tanda positif untuk dikembangkan. Sekiranya projek perintis ini berjaya dan dapat dijadikan contoh pada balik Islam serta mendapat suntikan modal, projek ini akan dipanjangkan kepada balik Islam lain secara lebih meluas.

Penyediaan keperluan asas di atas adalah sebagai satu galakan dan dorongan bagi mereka untuk terlibat dalam aktiviti secara berjamaah dan tidak terbiar tanpa bimbingan sehingga boleh menyebabkan mereka kembali ke agama asal mereka.

AKTIVITI KEAGAMAAN DAN SOSIAL

Seperti dinyatakan, balik Islam tidak boleh dibiarkan untuk bersendirian setelah memeluk Islam. Ini kerana mereka sendiri menghadapi tekanan sosial dan emosi yang boleh menyebabkan mereka kembali ke agama asal mereka (Nur Najwa, et.al, 2022). Antara lain mereka sentiasa berhadapan dengan propaganda dakwah mubaligh kristian dari gereja asal mereka, tekanan dari ahli keluarga dan rakan-rakan yang bukan Islam didalam pekerjaan dan kehidupan harian mereka.

Menyedari hakikat ini PDIS mengambil inisiatif memastikan balik Islam ini terlibat didalam pelbagai aktiviti secara berjamaah dan bersifat keagamaan iaitu selain dari sewaktu melakukan ibadat solat dan solat Jumaat. Ini termasuk menganjurkan sambutan diwaktu perayaan seperti solat Eidul Fitri dan Eidul Adha, melaksanakan ibadah korban, Majlis Maulud Rasul dan sebagainya. Pada majlis majlis beginilah juga bahan- bahan keperluan asas diedarkan sebagai galakkan untuk mereka terlibat dan menghadiri majlis tersebut.

Matlamat asas aktiviti sosial ini adalah untuk melahirkan ukhuwah yang erat dikalangan balik Islam ini sehingga mereka sentiasa merasakan diberi perhatian dan dikasihi dalam komuniti Islam mereka. Semangat ukhuwah dan kekeluargaan ini adalah demi melahirkan kehidupan masyarakat Islam yang prihatin serta beriman dan bertaqwa dikalangan mereka.

ISU DAN CABARAN

Balik Islam di Filipina adalah satu fenomena yang unik dan kebanyakan mereka menerima hakikat bahwa terdapat cabaran yang perlu mereka hadapi apabila mereka memeluk agama Islam. Ini merangkumi masalah peribadi dan kekeluargaan terutama bagi yang masih tinggal bersama keluarga yang bukan Islam, masalah kewangan dan diskriminasi pekerjaan bagi mereka yang bekerja. Mereka juga berdepan dengan masalah pemakaian hijab dan kesukaran membawa prinsip halal dalam menjalani suasana kehidupan harian (Morados, 2023).

Walaupun secara rasmi tiada halangan dari mana mana pihak untuk penduduk Filipina menganut mana-mana agama yang mereka pilih, kesan Islamophobia masih dirasakan oleh balik Islam khususnya bagi yang mereka yang bekerja dengan organisasi tempatan. Fahaman ini antara lain terbentuk hasil dari penonjolan negatif dimedia awam yang berterusan terhadap Islam, seterusnya mempengaruhi pemikiran dan pandangan negatif bukan Islam terhadap balik Islam di sekeliling mereka (Morados, 2023).

Program pendidikan dan kelas bimbingan yang dianjurkan sememangnya menekankan kesedaran bahawa memeluk agama Islam memerlukan perubahan cara

hidup. Sebahagian dari amalan kebiasaan mereka dahulu perlu ditinggalkan untuk mematuhi syariat Islam. Memandangkan pertukaran agama bukanlah sesuatu perkara yang ringan dan memerlukan pengorbanan yang besar dari balik Islam, mereka memang perlu dibantu dan disokong termasuk dari segi moral dan emosi terutama untuk memperkukuhkan tauhid dan keimanan mereka (Nur Najwa et.al, 2022). Di sinilah peranan PDIS bersama pendakwah dan pembimbing tempatan yang telah dilatih sangat diperlukan terutama untuk membawa balik Islam ini didalam pangkuan komuniti Islam di kawasan mereka.

SARANAN

PDIS merupakan sebuah NGO yang bergerak atas dasar sukarela dan keikhlasan pengurusan dan ahli jawatankuasa berdasarkan semangat mereka yang sanggup berkorban masa dan wang ringgit sebagai amal bakti dan sedekah jariah mereka. Tidak kurang juga kesanggupan ini adalah atas keinginan untuk menyalurkan pengalaman masing-masing dari pelbagai bidang yang digembelangkan untuk menyebarkan dakwah di bumi Filipina demi menyahut kewajiban untuk berdakwah di bumi Allah.

Hasrat murni ini perlu perkukuhkan dengan menilai semula perjalanan operasi PDIS dan gerak kerjanya di lapangan demi untuk menjamin kelangsungan aktiviti mereka di masa hadapan. Pertama, perlu dilihat semula adalah untuk meletakkan barisan pelapis yang boleh melibatkan diri, berminat dan komited untuk meneruskan legasi aktivis perintis didalam PDIS. Kesemua mereka yang menggerakkan aktiviti dakwah ini merupakan pesara dan sangat memerlukan barisan pelapis yang komited serta mempunyai idea untuk meneruskan kerja-kerja dakwah ini.

Sumber kewangan PDIS untuk membiayai operasi dakwah di Filipina ini juga perlu diperkukuhkan, bukan sahaja kerana kos membiayai operasi masjid yang sentiasa akan bertambah, malah kerana potensi untuk memperluaskan gerak kerja dakwah ini masih sangat luas di kepulauan ini. Kelunakan hati penduduk- penduduk disini untuk menerima Islam dengan begitu mudah, serta kesungguhan mereka yang telah menjadi balik Islam di dalam agama yang baru mereka anuti ini, merupakan peluang dan kesempatan yang sangat besar untuk melebar luaskan agama Islam di bumi ini.

Keperluan untuk mendapatkan sumber dana yang stabil dan berterusan samaada dari sektor korporat atau individu dermawan perlu diteruskan. PDIS dalam perancangan mereka ada berhasrat untuk menjalankan projek pembinaan rumah burung untuk mengeksport hasilnya ke negeri Cina. Ini berdasarkan pengalaman pengerusi PDIS sendiri yang bergiat dalam industri ini secara besar besaran serta mempunyai pasaran tersedia di negeri Cina. Perancangan untuk melaksanakan kegiatan ini untuk menjana sumber pendapatan yang stabil bagi membiayai gerak kerja dakwah mereka harus dimulakan khasnya untuk mendapatkan pembiayaan modal perniagaan.

Gerak kerja PDIS di Visayas dan kepulauan Cebu juga memerlukan penyusunan semula agar dapat dipantau secara lebih teratur. Antara aspek yang perlu dilihat semula adalah seperti berikut:

i- Pengurusan projek bagi pembinaan masjid dan pusat Islam

Bidang ini memerlukan pengawasan yang lebih ketat kerana banyak sumber dana PDIS disalurkan untuk urusan ini dan juga pembelian tapak tanah untuk pembinaan masjid dan pusat Islam. Sebarang penyelewangan dalam urusan ini akan membawa kepada kerugian yang amat besar pada PDIS.

ii- Gerakkan kerja dakwah di lapangan

Gerakan ini perlu diurus secara sistematik berdasarkan uslub dan manhaj, serta maklumat dan data sasaran mad'u yang teliti. Ini kerana perancangan dan strategi dakwah sesuai dengan keadaan persekitaran akan membuahkan hasil yang lebih berkesan.

iii- Projek anak angkat

Latihan anak-anak dikalangan balik Islam yang berpotensi kemadrasah dan pusat bimbingan di Malaysia atau di tempat lain membuka ruang yang lebih besar bagi memastikan kejayaan dakwah ini di masa akan datang. Program pendidikan yang lebih intensif ini membawa pelajar-pelajar keluar dari wilayah perkampungan mereka dan

bergaul dengan pelajar dari komuniti Islam yang lebih kukuh keislaman mereka. Ini diharapkan akan melahirkan para *da'ie* dan pendakwah yang akan kembali dan meneruskan aktiviti dakwah di kalangan komuniti mereka sendiri.

PENUTUP

Perkembangan Islam di Kepulauan Visayas dan Cebu di Filipina berada di tahap permulaan yang amat rapuh dan tidak stabil jika dibandingkan kepulauan Mindanao dan Basilan yang kukuh mempertahankan akidah mereka selama ratusan tahun mereka berada dibawah jajahan kuasa Barat. Oleh yang demikian balik Islam di kepulauan ini yang begitu lunak hatinya untuk memeluk Islam disebabkan fitrah dan naluri bahwa Islam adalah agama asal mereka perlu diberi bantuan dan sokongan. Dalam sebuah negara terbesar Kristian di Asia Tenggara, tidak ada apa yang boleh diharapkan oleh balik Islam ini untuk mendapatkan bantuan dan sokongan dari kerajaan untuk membangunkan infrastuktur dan institusi agama di wilayah mereka.

Walaupun dibantu oleh masyarakat Islam Mindanao dan Basilan, hakikat bahawa balik Islam di kepulauan ini berada di dalam kedudukan ekonomi yang sangat ketinggalan menyukarkan lagi Islam untuk bersemarak dengan lebih hebat. Ini di sebalik pemerhatian bahawa agama Islam mempunyai potensi yang amat luas jika program dakwah dan pendidikan agama dapat dilakukan dengan lebih berkesan. Keadaan yang sama dapat dilihat sebelum ini berlaku di wilayah Islam di negara seperti Kemboja dan Vietnam di mana dengan kemajuan ekonomi yang semakin pesat serta dibantu dengan aktiviti dakwah dari luar, pendidikan Islam bertambah kukuh serta menjadi teras aktiviti masyarakat Islam disana.

Inilah peranan yang boleh di mainkan oleh pertubuhan dakwah seperti PDIS dalam melaksanakan tanggungjawab menyebarkan agama Islam di muka bumi ini. Dengan usaha-usaha dakwah yang penuh kegigihan dan keikhlasan disamping menggunakan uslub dakwah yang bersesuaian di bumi Kristian ini, diharap akan mendapat keberkatan Allah SWT untuk membuka wawasan pemikiran umat bukan Islam di sini terhadap kebenaran yang hakiki, serta dibuka pintu hidayah bagi mereka. Atas kesedaran inilah aktivis-aktivis sukarela PDIS dan NGO lain bergerak dengan

membawa panji-panji Islam dibumi yang sebelum ini dikuasai hampir sepenuhnya oleh agama Kristian.

RUJUKAN

- Abd. Rahman, K., Wazir, R., & Hussin. 2020. Keberkesanan Pengajian Akidah Bagi Muallaf: Analisis Keperluan. *International Seminar on Muallaf* (ICOM 2019).
- Abdullah, S., Abu Yazid, A., Abdullah, S., Mohamad, A., Jamaluddin, N., & Ahmad, S. 2020. Kaedah Pengajaran Solat Program Bimbingan Muallaf di Pusat Bimbingan dan Latihan Saudara Baru (PUSBA). *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam (IRJSMI)*, 2(3), 32-40.
- Acac, Macbeth. 2023. *Balik-Islam in the Philippines: Reversion, Symbolic Negotiation, and Becoming the Other*. Temple University, Philadelphia, PA.
- Anon. 2020. *Region vii (Central Visayas), Total Population by Province, City, Municipality and Barangay*. Census of Population 2020.
- Anon. 2020. *Religious Affiliation in the Philippines Cencus of Population and Housing*. Jabatan Statistik Filipina: Republik Filipina.
- Azyyati Mohd Nazim, Fariza Md Sham, Salasiah Hanin Hamzah. 2013. Peranan NGO Islam Dalam Merealisasikan Pendekatan Islam Hadhari Di Malaysia. *Jurnal Hadhari* 6 (1): 1-12.
- Basir, M.Z.K., Abdullah, N.A.M.T., Sham, F.M., Ismail, I., Mokhtar, M.Y.O. 2021. Implementation Methods of Revert Da'wah Program in Malaysia: A literature Review. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 11 (3): 542-555.
- Borham, A. H., Abdullah, W. H., Abdul Rahim, M. M., & Kamaruzaman, M. A. 2016. *Metod Dakwah Mohd Fadli Yusof Dalam Pengislaman Suku Kaum Masyarakat Murut Di Pedalaman Sabah*. *Al-Hikmah*, 8(2): 60-80.
- Morados, M. A.and Malayang, A.F 2023. *Balik-Islam in some selected areas in Luzon and National Capital Region: Motivation of conversion and challenges encountered*. University of the Philippines Center for Integrative and Development Studies.
- Nur Najwa Hanani, Akmaliza Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah, Abdul Basit, Badlihisam Mohd Nasir. 2022. Analisis Keperluan Program-Program Sokongan Sosial Dalam Pemerkasaan Saudara Baru. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 9(2): 29-38.
- Ilyas, Sopian, 2015. *Usaha Dakwah Muhammad Arshad Thalib Lubis Terhadap Golongan Bukan Islam Suku Batak di Medan, Sumatera Utara, Indonesia*. Kuala Lumpur: University Malaya.

- Thohir, Ajid. 2015. A Historical Overview and Initiating Historiography of Islam in the Philippines. *International Journal of Nusantara Islam*, 3(2): 1-18.
- Wan Ali, Wan Zailan Kamaruddin and Ismail, A.Z. 2012. Islam dan masyarakat muslim di Filipina: kajian mengenai isu dan cabaran dalam pemikiran Islam era globalisasi. *Islam dan Alam Melayu, Um Research Repository*.